




URUS SETIA
PROGRAM KEUGAMAAN BELIA



اکادیمی دعوه



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM AKADEMI DA'WAH 4.0

TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

YANG MULIA
PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI MOHAMMAD TASHIM
BIN PENGIRAN HAJI HASSAN,
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA

DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM AKADEMI DA'WAH 4.0

PADA HARI SABTU,
21 ZULKKAEDAH 1444H BERSAMAAN 10 JUN 2023M

BERTEMPAT DI
DEWAN PERSIDANGAN, PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلٰامُ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Mulia,

Pengerusi Bersama Majlis,

Ustaz Isham bin Ismail dan Awg. Muhammad Fuad bin Matahir.

Yang Mulia,

Awg. Haji Mohamad Rosli bin Haji Ibrahim,

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Awg. Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Dr. Haji Adanan bin Haji Basar

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama, Seri Begawan

Yang Mulia,

Awg Haji Abd Rajid bin Haji Mohd. Salleh,

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Yang Mulia Pengarah-pengarah, Pegawai-pejawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ketua-ketua Bahagian, Pegawai dan Kakitangan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie dan para peserta **Program Akademi Da'wah 4.0**.


Terlebih dahulu, peramba/saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Badan Sukarelawan Belia Da'ie, Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Program Keugamaan Belia (PKB), Kementerian Hal Ehwal Ugama di atas penganjuran Program Akademi Da'wah buat kali keempat. Ia mencerminkan komitmen berterusan biskita untuk sama-sama memainkan peranan melahirkan golongan pendakwah muda yang akan melaksanakan dakwah di dalam bidang masing-masing dengan saluran atau cara yang betul berterskan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Program ini sebagaimana dimaklumkan telah pun diungkayahkan sebelumnya sedari tahun 2016.

Apa yang lebih menarik lagi, Program Akademi Da'wah ini diungkayahkan sepenuhnya oleh sukarelawan belia yang telah diberikan kepercayaan oleh Pusat Da'wah Islamiah di bawah bimbingan Urus Setia Program Keugamaan Belia (PKB). Justeru, ucapan penghargaan juga peramba/saya tujuarkan kepada Pusat Da'wah Islamiah yang peramba/saya percaya boleh menjadikan Program ini sebagai medan melahirkan da'ie-da'ie yang profesional, yang memiliki kualiti ilmu yang mantap, berakhhlak mulia, jujur, berintegrasi dan bersiap sedia menghadapi cabaran ke hadapan.

Para hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Dakwah ialah usaha menyeru, mengajak manusia ke jalan Allah (دُعْوَةٌ إِلَى اللَّهِ) Dakwah adalah tanggungjawab dan kewajiban bagi setiap muslim yang mukallaf berdasarkan kemampuan masing-masing. Kewajiban berda'wah disebut dalam al-Quran dalam bentuk perintah (amr) yang mana Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan dalam al-Quran, surah Ali-'Imran ayat 104:

وَلَتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ



Tafsirnya:

“Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan”

Kalimah 'ولتكن منكم' (hendaklah ada dalam kalangan kamu) dalam ayat tadi adalah isyarat dan petunjuk kepada kewajiban berdakwah (termasuk institusi hisbah dan lain-lain). Dakwah adalah satu tanggungjawab mulia yang tinggi martabatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi sebab utama para rasul diutus.

Dalam konteks cara untuk menyampaikan dakwah pula, Allah Subhanahu Wata'ala membekalkan kaedah atau metod asas bagi menjayakan aktiviti pendakwahan itu sebagaimana firmanNya dalam surah An-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ^٤

Tafsirnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik."

Ayat ini menjadi pokok perbahasan kepada metodologi dakwah iaitu berhubung kaedah dan pendekatan dalam menyampaikan maudu' dakwah. Ketiga-tiga metod dan garispanduan itu ialah 'hikmah' (kebijaksanaan), 'al-mau'izah al-hasannah' (nasihat pengajara yang baik) dan 'mujadalah hasanah' (bermujadalah, berdebat, berdebat, berbahas, berdialog, berwacana, berdiskusi dengan cara yang terbaik). Dan cara bagaimana melaksanakan metodologi ini dalam misi dakwah, adalah bergantung kepada kesediaan dan kebijaksanaan para da'ie (penda'wah) memanfaatkan segala sumber dan peluang yang ada serta berdasarkan latar belakang masyarakat dan situasi semasa.

Bagaimanapun, bagi mempastikan penyampaian dakwah melalui ketiga-tiga metod itu berjaya dan berkesan, setentunya ia memerlukan **Pembangunan Kepimpinan Da'ie Berwibawa**. Pembangunan kepimpinan da'ie

berwibawa terutama generasi belia adalah penting bagi memperkasa agenda da'wah di negara ini. Usaha-usaha ke arah ini perlu dilaksanakan melalui perancangan strategik melalui pembagunan kepimpinan da'wah jangka panjang yang lestari sifatnya. Usaha ini pastinya mencabar seiring dengan perkembangan semasa yang memerlukan kita tidak boleh ketinggalan mempersiapkan pengurusan dakwah yang mampu memberi impak kepada masyarakat dan ummah. Pihak Pusat Da'wah Islamiah secara umumnya memang telah mempunyai perancangan dan telah ada usaha memperkasa agenda dakwah ini dari masa ke semasa melalui bahagian-bahagian dan unit di bawahnya. Apa yang perlu ialah agar pembangunan dan usaha melahirkan kepimpinan da'ie ini perlu dilaksanakan berterusan secara sistematik dan strategik dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan yang lainnya termasuk institusi pengajian tinggi di negara ini.

Perlu dipastikan bahawa inisiatif bagi membina kepimpinan da'ie ini bukan sahaja untuk melahirkan belia yang boleh berdakwah dengan berkesan tetapi juga, berupaya menyesuaikan dengan cabaran dakwah era digital masa kini- yang rencam sifatnya. Kita maklum, era digital mendedahkan kita berhadapan dengan mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang khususnya komuniti maya. Mereka mungkin anti-islam, ada yang mula berjinak-jinak dengan Islam, ada yang berfikiran kritikal yang semua ini menuntut bekalan dan persediaan ilmu yang mantap.

Para hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Menjelang tahun 2035, Negara Brunei Darussalam insyaAllah akan mencapai status sebuah negara yang dikenali mempunyai penduduk yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; menikmati kualiti kehidupan yang tinggi; dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Bagi mencapainya, dalam konteks dakwah, belia-belia da'ie juga turut mempunyai peranan yang signifikan dalam memberikan impak yang positif kepada pembentukan masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Adalah penting bagi mereka ini memiliki beberapa aspek untuk menjadikan ia sebagai pendakwah yang mempunyai kewibawaan dan kepimpinan yang boleh menarik masyarakat untuk menjadikannya sebagai teladan mereka dan seterusnya menerima dakwah yang disampaikan.

Aspek-aspek yang berperanan dalam merealisasikan dakwah secara berkesan adalah (a) **Pemantapan akidah** (b) **Penguasaan pelbagai ilmu dan membiasakan diri dengan disiplin membaca** (c) **Kemahiran sebagai nilai tambah (penguasaan dari sudut psikologi, komunikasi, ICT, kemahiran hidup)** (d) **Membangun personaliti yang dapat memberi teladan (pembentukan watak, peribadi, perangai yang terhasil daripada faktor luaran dan dalam individu).**

Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan panduan dan bimbingan bagi menghadapi cabaran dakwah ini. Ayat terawal memerintahkan Nabi Muhammad Shalallahu 'Alaihi Wasalam berdakwah iaitu surah al-Muddatstsir ayat 1 hingga 7:

يَأَيُّهَا الْمُدَّثِرُ ۝ قُمْ فَأَنذِرْ ۝ وَرَبَّكَ فَكَبِرْ ۝ وَثِيَابَكَ فَطَهَرْ ۝ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۝ وَلَا تَمْنُنْ

تَسْتَكْثِرُ ۝ وَلَرِبِّكَ فَاصْبِرْ ۝

Tafsirnya:

"Wahai orang yang berselimut (Nabi Muhammad)! Bangunlah lalu berilah peringatan. Maka agungkanlah Tuhanmu. Dan bersihkanlah pakaianmu. Dan jauhilah segala kejahatan. Dan janganlah engkau memberi (dengan tujuan) memperoleh (ganjaran) yang lebih banyak. Dan bersabarlah kerana Tuhanmu."

Ayat 1 dan ke-2 adalah 'seruan bangun untuk memberi peringatan kepada manusia dengan melaksanakan tugas dakwah'. Dan bagi melaksanakan misi tugas dakwah yang penuh liku dan cabaran, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan dalam ayat ke-3 'supaya mengagungkan dan membesarNya' **وربِكَ فَكَبِرْ**. Ayat ini memberi isyarat kepada bekalan akidah dalam dakwah. Manakala ayat 4 hingga ke-7 memberi garispanduan dalam pembinaan personaliti pendakwah iaitu **bersih pakaian** yang mengambarkan aspek luaran, **meninggalkan perbuatan keji, bersifat ikhlas dan sabar** yang menggambarkan sifat dalaman dan peribadi mulia. Surah al-Muddatstsir ini perlu menjadi panduan kepada da'ie yang akan

memenuhi ciri personaliti yang dikehendaki Islam yang menyumbang kepada imej baik dakwah.

Oleh yang demikian, peramba/saya penuh berharap Program ini akan membantu para pesertanya melalui silibus-silibus yang ditetapkan (teori mahupun praktikal) untuk mengetahui tentang metod-metod berdakwah yang sesuai dengan ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah Shalallahu 'Alaihi Wasalam. Semoga objektif Program ini akan tercapai di samping dapat membentuk motivasi tinggi kepada para peserta dalam memahami konteks cabaran berdakwah masa kini. Usaha-usaha ini juga peramba/saya percaya menjadi wadah mempergiatkan dan membantu usaha dakwah.

Semoga Program ini menjadi pemangkin untuk para peserta menebarkan lagi benih-benih kebaikan untuk masyarakat di luar sana. Keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala juga yang kitani harapkan di dunia dan di akhirat atas usaha yang sedikit bagi memakmurkan bumi Allah dengan kebaikan-kebaikan selaku khalifahNya. **اللّٰهُمَّ آمِنْ**

Akhirnya peramba/saya sekali lagi ucapan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Akademi Da'wah 4.0 dan Urus Setia Program Keugamaan Belia yang telah bertungkus-lumus bagi menjayakan Program Akademi Da'wah ini. Semoga belia da'ie tetap teguh istiqomah dalam menyampaikan da'wah melalui motonya "**DARIPADA BELIA KEPADA BELIA**".

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ